

Birokrasi dan sistem pengurusan lemah punca bekalan ikan kurang

Oleh NORMAWATI ADNAN

BUKIT GANTANG

Kerenah birokrasi dan sistem penyampaian maklumat yang lemah menjadi antara punca berlakunya kekurangan bekalan makanan termasuk ikan di negara ini.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, ini kerana masalah tersebut bukanlah isu baharu, malah kerap berulang dan kerajaan sepatutnya sudah mempunyai solusi terbaik untuk menanganiinya.

Menurutnya, isu kekurangan bekalan ikan tidak sepatutnya berlaku kerana Malaysia antara negara mempunyai sumber ikan yang banyak, selain memiliki kemudahan kilang beku dan bilik

sejuk yang boleh digunakan bagi tujuan penyimpanan bekalan.

Bagaimanapun katanya, semua kemudahan itu tidak digunakan sepenuhnya disebabkan kerenah birokrasi dalam membuat keputusan.

“Birokrasi kita takut untuk buat keputusan, sebab itu kita tidak boleh menangani masalah kekurangan bekalan yang berlanjutan.

“Saya sebagai Pengerusi LKIM, banyak kali saya sebutkan untuk membuat simpanan ikan tetapi sampai ke hari ini, LKIM belum lagi menyimpan ikan.

“Kita dah sebut macam-macam langkah tetapi tidak dilaksanakan, sudah bentangkan pelbagai kertas kerja tetapi keputusan tidak ada, tangguh, kaji dan selidik lagi sedangkan rakyat perlu bantuan segera,” jelasnya.

Beliau berkata demikian ke-

LKIM kesal negara tiada simpanan ikan

pada pemberita sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Pengerusi LKIM Bersama Nelayan dan Masyarakat di Changkat Jering, dekat sini pada Jumaat.

Syed Abu Hussin Hafiz berkata, kertas kerja dalam menangani isu bekalan ikan telah dibentangkan sebelum ini kepada Lembaga Pengarah LKIM yang turut dianggotai Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi, namun masih tiada jawapan balas.

Tambahnya, langkah mengatasi bekalan ikan ketika ini sedikit sukar kerana negara tidak mempunyai simpanan bekalan stok penimbang ikan secara besar-besaran, banyak bilik sejuk beku yang mampu memuatkan hingga 1,000 tan metrik ikan terbiar se-lain kilang membekukan ikan tidak beroperasi.



Syed Abu Hussin Hafiz (tengah) bersama pengamal media yang hadir dalam Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Pengerusi LKIM Bersama Nelayan dan Masyarakat di Changkat Jering, Bukit Gantang pada Jumaat.

“Bila kita buat simpanan, jika berlaku keadaan tidak cukup bekalan, kita boleh keluarkan stok yang ada kerana ikan sejuk beku ini boleh disimpan sehingga dua tahun.

“Di pihak LKIM kita berasa sedih kerana ikan tidak cukup di pasaran menyebabkan rakyat terpaksa menanggung kos yang tinggi, sedangkan kerajaan boleh menangani masalah itu,” ujarnya.